

**DALAM KARYA MELAYU:
PENILAIAN TERHADAP BUKU ‘MUAWIYAH IBN ABI SUFYAN’
OLEH IDRUS**

Muhammad Zaid Bakar Redin
daruzzid_ibnubakar@yahoo.com.my

Dr. A. Irwan Santeri Doll Kawaid, Dr. Shumsuddin Yabi

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Abstrak

Peribadi Muawiyah ibn Abi Sufyan RA, salah seorang sahabat Nabi SAW, adalah antara yang sangat kontroversi dalam sejarah Islam. Peribadi beliau sering mendapat perhatian para penulis dan pengkaji sejarah Islam. Kisah beliau kerap kali diungkap sama ada dalam bentuk bibliografi penuh mahupun dinyatakan sebagai contoh dalam buku-buku agama. Banyak fakta dan andaian tentang beliau yang dikemukakan oleh para pengkaji dan penulis. Adakala benar dan adakalanya fakta tersebut bercanggah di antara satu sama lain. Terdapat juga fakta yang kabur atau andaian yang seakan-akan benar tapi pada hakikatnya ia jauh menyimpang daripada kebenaran. Oleh kerana itu, penulisan-penulisan seperti itu perlu disemak serta dinilai semula agar menepati kebenaran. Kertas kerja ini cuba menganalisa salah satu buku yang ditulis yang mengandungi kisah peribadi Muawiyah ibn Abi Sufyan yang ditulis dalam Bahasa Malaysia iaitu ‘Muawiyah ibn Abi Sufyan’ karangan Idrus. Tujuan analisa ini dibuat adalah untuk menyemak sumber kisah yang dibawakan dalam buku tersebut.

Kata kunci: Muawiyah, sumber, Malaysia

Pendahuluan

Muawiyah ibn Abi Sufyan RA adalah salah seorang Sahabat Nabi SAW yang sering mendapat perhatian para pembaca dan pengkaji sejarah. Sebagai seorang sahabat, penulis wahyu dan yang banyak meriwayatkan hadith-hadith dari Nabi SAW, beliau pastinya mempunyai kelebihan istimewa serta keutamaan tertentu. Namun apabila diteliti buku-buku sejarah yang menceritakan tentang kisah peribadi sahabat Nabi SAW ini didapati ianya sangat mengelirukan. Bahkan terkadang beliau digambarkan sebagai seorang sahabat yang seolah-olah tidak mengenali Nabi SAW serta ajaran Baginda SAW.

Ada di kalangan penulis kebiasaannya membawakan hikayat-hikayat sejarah Islam tanpa menyata sumber rujukan asal. Boleh jadi ia benar-benar terjadi, dan boleh jadi dusta serta palsu. Pelbagai teori dan andaian juga dilontarkan pada beberapa keadaan dalam perbahasan sejarah, menenggelamkan lagi peribadi tokoh sahabat Nabi SAW ini. Selain itu, terdapat juga segelintir penulis yang sengaja mencanang kisah dusta untuk memburukkan sahabat Nabi SAW ini disebabkan dendam politik. (Mohd Asri, 2010 :226). Justeru, satu penggemblengan tenaga perlu diusahakan untuk menyemak kembali kisah serta hikayat tersebut dalam buku-buku yang terdapat di pasaran, terutamanya di Malaysia. Kajian ini dilakukan bagi meneliti sebuah buku berjudul ‘Muawiyah ibn Abi Sufyan’ karangan Idrus, telah disiapkan penulisannya pada tahun 1959 di Singapura. Buku ini digunakan sebagai bahan kajian untuk menyelidiki sumber-sumber yang diutarakan di dalam buku tersebut.

BIBLOGRAFI MUAWIYAH IBN ABI SUFYAN RA

Nama dan keturunan

Nama penuh Muawiyah ibn Abi Sufyan ialah; Muawiyah ibn Abi Sufyan (Sakhr) ibn Harb ibn Umayyah ibn Abdi Syams ibn Abdi Manaf ibn Qusay, berbangsa Arab al-Quraisy dari suku kabilah al-Umawi. Memakai gelaran Bapa Saudara golongan mukmin (disebabkan pertalian dengan kakaknya Umm al-Mukminin, Ummu Habibah), juga gelaran Penulis Wahyu kepada Utusan Tuhan sekalian alam. Sedang nama ibunya pula, Hindun bint Utbah ibn Rabiah ibn Abdi Syams. Beliau memeluk Islam selepas berlaku Perjanjian Hudaibiyah, iaitu diantara tahun 6 dan 8 Hijrah. (Ibn Kathir, 2013:171) Beliau dilahirkan lima tahun sebelum diutusnya Rasulullah SAW (Ibn Hajar al-Asqalani, 2008: 227) Telah wafat pada bulan Rejab tahun 60 Hijrah di Damsyiq ketika berusia 78 tahun. (Ibn Kathir, 2013:207)

Latar belakang

Muawiyah ibn Abi Sufyan RA telah dibesarkan dalam persekitaran keluarga yang memegang tampuk kepimpinan dan ketelitian akal fikiran. Ibunya sendiri, Hindun, pernah berkahwin sebelum itu, memberikan nilai tambah semasa membesarkan anaknya Muawiyah ibn Abi Sufyan. (Mahmud Syakir, 1998: 42)

Al-Madaaini menyebut suatu riwayat dari Soleh ibn Kaisan, katanya: Suatu ketika, beberapa pahlawan Arab telah terpancang Muawiyah, sedang masa itu Muawiyah masih lagi kecil. Mereka mengatakan bahawa budak kecil ini (Muawiyah) suatu hari nanti pasti akan memimpin kaumnya. Hindun membalas: Aku lebih rela menanggung kehilangannya jikalau dia tidak dapat memimpin keseluruhan bangsa Arab. (Ibn Kathir, 2013: 172; Mahmud Syakir, 1998: 42-43)

Ibu bapa Muawiyah RA mengambil berat serta prihatin terhadapnya. Hal ini kerana mereka sangat mengetahui didikan secara kebencian tidak menghasilkan kehebatan pada seseorang anak, tidak menguatkan ketinggian peribadinya. Sedang si anak, jika mempunyai rasa iri hati dalam sanubari pasti tidak akan mengecapi kedudukan yang mulia. Oleh kerana Muawiyah dibesarkan dalam lingkungan persekitaran seperti ini, maka beliau telah dijauhkan perasaan kotor keji dan terbit pula dari peribadinya sifat luhur terpuji.

Ibu bapa Muawiyah RA juga telah mengajarkan kepadanya ilmu alat sehingga beliau mahir membaca dan menulis. Perlu difahami geografi zaman ketika itu, bahawa sangat sedikit serta terhad mereka dari kalangan bangsa Arab berkeupayaan sampai ke peringkat mampu membaca serta menulis dengan baik. Muawiyah RA meningkat dewasa menjadi seorang yang cerdas akal fikiran serta cekap berketerampilan; sifat tawaduk telah didik kepada Muawiyah RA sehingga ia berbekas dalam jiwanya, dan beliau juga dikenali sebagai insan yang kuat mendengar percakapan yang baik terhadap dirinya mahupun yang sebaliknya. (Mahmud Syakir, 1998: 44 – 45)

Rupa paras dan perwatakan

Muawiyah RA berkulit putih cerah, tinggi lampai, lapang keluasaan dahinya, janggutnya diinai keperang-perangan. (Ibn Kathir, 2013 :172) Beliau seorang sangat segar bergaya lagi tampan rupawan. Pada suatu hari ketika Muawiyah keluar menunaikan fardu haji bersama-sama (rombongan) Umar ibn al-Khattab RA, telah terpancang Umar kepada kepadanya dengan pandangan tertarik kagum sehingga mendekatinya. (Ibn Kathir, 2013 :182)

Keadaan Muawiyah RA menunaikan solat hampir menyerupai solat Baginda SAW (al-Zahabi, 1998 :135), apabila berbicara tentang Nabi SAW tidak sesekali akan berdusta (Ibn Kathir, 2013 :195), marahnya seperti anak kecil (perasaan tidak disimpan lama), sedang ketegasan bagaikan seekor singa (Ibn Kathir, 2013 :196).

Muawiyah RA telah bertukar menjadi seorang yang banyak makan apabila beliau memegang tampuk pemerintahan di Syam. Beliau makan sebanyak tujuh kali sehari, dan pada setiap santapan terhidang padanya pelbagai jenis makanan dan manisan serta buah-buahan. Beliau pernah berkata: ‘Sesungguhnya aku berhenti ini bukan kerana kekenyangan, akan tetapi kerana keletihan (disebabkan terlalu banyak makanan terhidang)’. Benarlah bahawa ini adalah nikmat

kesenangan dan kemahuan hati bagi kebesaran seseorang penguasa memerintah. (Ibn Kathir, 2013 : 174)

Di akhir hayatnya, Muawiyah RA menghidap penyakit kejatuhan kulit pada pipi (penyakit *fat jowls*, iaitu keadaan di mana lemak jatuh di bawah pipi menghodohkan wajah disebabkan usia yang meningkat tua). Suatu ketika, beliau pernah menutupi wajahnya itu dan seraya berkata: ‘Semoga Allah merahmati mereka yang mendoakan kesejahteraan hidupku (dikurniakan umur panjang). Telah daku merasai sebaik-baik sifat keadaan luaran, dan juga yang terjadi padaku sekarang ini. Jikalau bukan kerana keinginanku, akan dipertunjukkan kemahuan ini’. (Ibn Kathir, 2013 :172)

Abdullah ibn Umar RA pernah menyebut akan perihal Muawiyah RA, bahawa Umar ibn al-Khattab RA lebih terpuji taraf kemuliaannya berbanding Muawiyah RA sedangkan Muawiyah R. anhu lebih berketerampilan berkarisma lagi pemurah baik hati. (Ibn Kathir, 2013 :195)

Rakyat dibawah naungan Muawiyah RA sangat mencintai serta mengasihinya. Beliau berkhidmat sebagai gabenor wilayah Syam selama 20 tahun lamanya, dan kemudian 20 tahun pula sebagai khalifah. Di waktu pemerintahan Muawiyah RA, tidak timbul sebarang kekacauan yang boleh menyebabkan keadaan menjadi huru-hara kacau bilau. Beliau seorang yang mesra ramah boleh mendekati pelbagai jenis lapisan masyarakat, hukumannya diikuti oleh Arab dan A’jam; keluasan pemerintahannya meliputi dibumi Haramain, Mesir, Syam, Iraq, Khurasan, Parsi, Al-Jazirah, Yaman, Maghribi dan serta yang lain. (Al-Zahabi, 1998 :133)

Beliau sangat mengharapkan pengampunan dari Allah SWT serta memperolehi naungan limpahan rahmat-Nya. Suatu ketika al-Miswar ibn Makhramah RA telah datang bertemu Muawiyah ibn Abi Sufyan RA, kemudian ditunaikan hajat al-Miswar oleh Muawiyah RA. Setelah itu, berlaku dialog antara mereka berdua. Al-Miswar RA mengatakan bahawa beliau mempunyai banyak dosa kesalahan, jikalau tidak diampun dosanya itu, maka sesungguhnya beliau (al-Miswar) tergolong dari mereka yang rosak binasa. Muawiyah RA mempersoalkan mengapa al-Miswar RA lebih utama untuk berharap pengampunan daripada dirinya sendiri. Muawiyah RA mengatakan bahawa beliau mengendalikan urusannegara, melaksanakan hukuman hudud, mendamaikan sesama manusia, berjihad dijalan Allah, menegakkan teras-terang tunjang (dalam agama) yang tidak dapat dihitungkan banyaknya kecuali Allah, dan tidak terhitung banyak amalan kebaikan supaya lebih mengatasi daripada aib kesilapan serta dosa kesalahan. Sesungguhnya Muawiyah RA beriktikad dengan suatu agama, segala bentuk amalan kebaikan kebajikan diterima disisi Allah SWT dan Dia-lah (Maha Pengasih) memberi keampunan segala dosa kesilapan. Katanya lagi: ‘Demi Allah, dengan sebab itulah, daku memilih (membuat kebajikan kerana) Allah, yang tiada sesuatu pun mempunyai persamaan dengannya’. (Ibn Kathir, 2013 :194)

Keutamaan dan kelebihan Muawiyah ibn Abi Sufyan

Muawiyah RA seorang sahabat Nabi yang mulia. Beliau diketahui secara pasti memeluk Islam pada Pembukaan Makkah pada tahun ke 8 Hijrah, dan menerima pembahagian harta rampasan dari Peperangan Hunain juga Taif. (Sahih al-Bukhari. Kitab al-Maghazi: Bab Ghazwah al-Thaif: 4333. Sahih Muslim. Kitab al-Zakat: Bab I’tha al-Muallifati qulubuhum: 135).

Beliau salah seorang daripada sahabat Nabi SAW yang dipilih untuk menuliskan wahyu (Sahih Muslim. Kitab fadhail al-Sahabah: Bab min fadhail Abi Sufyan ibn Harb RA: 168), meriwayatkan banyak hadith dari Baginda SAW yang sebahagiannya terkandung dalam Sahih Bukhari dan Sahih Muslim, iaitu sebanyak 4 riwayat hadith dari Muawiyah ibn Abi Sufyan RA disepakati Imam al-Bukhari dan Imam Muslim dalam kitab sahih mereka berdua, 4 riwayat hadith dalam Sahih al-Bukhari sendirian tanpa terdapat dalam Sahih Muslim, dan begitu juga 5 riwayat hadith dalam Sahih Muslim tanpa terdapat dalam Sahih al-Bukhari (Al-Zahabi, 1998 :162); diberitakan berjuang berjihad bersama-sama Nabi SAW dalam perang Perang Hunain pada tahun 8 Hijrah (Ibn Kathir, 2013 :171), selain daripada doa-doa khas kepadanya (Al-Zahabi, 1998:124-127).

Peperangan pertama menggunakan jalan laut dipimpin Muawiyah ibn Abi Sufyan RA semasa pemerintahan Khalifah Uthman ibn Affan RA. Nabi SAW mengisytiharkan bayangan kepada UmmuHaramRA melalui mimpi Baginda SAW menggambarkan betapa kekuatan kehebatan

tentera Islam ketika itu, sehingga membuatkan Baginda SAW tersenyum. Sabda Nabi SAW: “Umatku akan berlayar mengharungi lautan samudera kelak berjuang hanya kerana Allah SWT, kegemilangan pelayaran mereka laksana sekalian raja yang sedang bersemayam diatas singgahsana”. Kemudian Ummu Haram meminta Nabi SAW mendoakannya supaya tergolong dari kalangan mereka itu. (Sahih al-Bukhari. No hadith 2799, 2877, 2894, 6282, 7001. Sahih Muslim. Kitab al-Imarah: Bab fadhil al-Ghazwi fi al-Bahr: 1912)

Pada lafaz hadith yang lain, bahawa Ummu Haram Ranha mendengar Nabi SAW. Sabdanya baginda SAW: “Tentera yang pertama dari umatku berjuang di lautan samudera pasti mendapat syurga”. Kemudian Ummu Haram meminta Nabi SAW mendoakannya supaya tergolong dari kalangan mereka itu. (Sahih al-Bukhari. Kitab al-Jihad: Bab ma Qila fi Qital al-Rom: 2924)

Kandungan Buku Muawiyah ibn Abi Sufyan oleh Idrus

Buku ini dimulakan dengan satu mukaddimah yang penjelasan tentang tujuannya ditulis. Kata penulis:

“Saya berharap dapatlah pembaca mengambil dua bahagian tauladan darinya. Pertama, cara berpolitik negara didalam (terdapat) segala tipu helah (yang) mesti digunakan kerana menyampaikan sesuatu tujuan, sekalipun melakukan penumpahan darah dan penyiksaan. Kedua, dapat kita lihat betapa keteguhan pihak yang lain memegang keyakinan. Mereka tidak (berasa) gentar menghadapi maut untuk mempertahankan pendiriannya dan keyakinannya itu. (Idrus, t.t. : iv)

Tohmahan terhadap peribadi Muawiyah ibn Abi Sufyan

a. Anak pemakan hati

Antara gambaran buruk yang dikaitkan dengan Muawiyah adalah sejarah kesalahan-kesalahan ibu bapa beliau yang dilakukan oleh mereka sebelum mereka memeluk Islam. Antaranya penulis menceritakan tentang kisah Hindun bint Utbah yang telah mengunyah hati Hamzah ibn Abd Motalib setelah beliau syahid pada Perang Uhud tahun ke 3 Hijrah. Perbuatan itu adalah suatu perbuatan sangat menjijikkan. Kemudiannya penulis mengaitkan perlakuan itu dengan Muawiyah ibn Abi Sufyan, dengan panggilan ‘Anak si pemakan hati’ sebagai diatas perbuatan ibunya. (Idrus, t.t.: 46 – 47) Penulis buku kemudian mengatakan, kerana itulah Muawiyah memusakai sifat-sifat kekerasan dan kebengisan menurun daripada ibunya itu. Pandangan darah tidak dapat menggerunkannya, nyawa tidak mempunyai harga disisinya selama ia boleh menggalang kehendaknya untuk mencapai kerajaan dan kekuasaan. (Idrus, t.t.:47)

b. Perhubungan kekeluargaan

Sebagai seorang pakar politik, Muawiyah telah menunjukkan kesungguhan dan kebijaksanaan dalam memerintah, sepertimana diperlihatkan kehebatannya dalam kisah Umar RA dalam lawatan ke Syam yang masyhur. Kata Umar RA : “Adakah engkau hendak menyerupai Hirqal (Herkules)?”. Adapun di zaman Uthman ibn Affan RA, Muawiyah merasa aman dan tidak pula takut untuk dipecat. Tidak wujud sedikit pun kesusahan dan kesempitan untuk memerintah jajahannya, kerana mempunyai perhubungan kerabat dengan khalifah ketika itu. (Idrus, t.t.:47 – 48) Salah satu ciri Muawiyah RA ialah, seorang yang mengambil kesempatan dari kedudukannya yang punyai jawatan serta dekat hubungan kekeluargaan dengan khalifah Uthman ibn Affan RA. (Idrus, t.t.:ii)

Setelah selesai sahaja penduduk Kufah membaiah taat setia kepada Muawiyah RA sebagai khalifah, maka Muawiyah pun memerhatikan dikelilingnya. Pertama, dia melihat kepada rumahtangganya. Kelihatan bahawa kaum keluarga Bani Umayyah memandang kepadanya dengan mata yang terbuka dan mulut yang ternganga, ternanti-nanti apa yang akan dibuatnya kepada mereka. (Idrus, t.t.:93). Adapun dalil keterangan mengenai kerabat Muawiyah, penulis datangkan nama-nama mereka beserta kisah-kisah seperti Marwan ibn al-Hakam, Said ibn al-Ass, Utbah ibn Abi Sufyan, Abdullah ibn Amir dan anak-anak Uthman ibn Affan. Kesemua mereka menanti-nanti sahaja peluang untuk menerkam Muawiyah (Idrus, t.t.:94 – 95)

Keduanya, dipandang memerhati kepada dirinya sendiri. (Idrus, t.t.:93)

c. Tamak kepada kuasa

Penulis buku menganggap bahawa Muawiyah RA adalah seorang yang tamak kepada kekuasaan. Beliau digambarkan menghendaki sekalian orang-orang Islam supaya taat tidak membantah kepadanya. (Idrus, t.t. : 23) Penulis buku juga mengatakan bahawa tidak berselindung lagi harta benda dan wang adalah senjata yang utama untuk melaksanakan segala tujuan itu sehingga cita-cita itu tercapai. Darah yang mengalir dapat ditutupi Muawiyah dengan sogokan harta, juga dengan darah. (Idrus, t.t.: 219)

d. Suka membunuh

Qais ibn Saad RA telah dilucutkan jawatan dari gabenor Mesir dizaman khalifah Ali ibn Abi Talib RA disebabkan percaturan politik Muawiyah. (Idrus, t.t.: 4 – 8) Dan kemudian Khalifah Ali Abi Talib menggantikan tempat Qais ibn Saad RA dengan Muhammad ibn Abu Bakar al-Siddiq. Tidak lama selepas itu digantikan pula dengan al-Asytar (Idrus, t.t.: 4 – 8). Oleh sebab al-Asytar seorang yang mempunyai kredibiliti serta keterampilan, maka Muawiyah RA telah menghantar utusan ke negeri Mesir bernama Qalzam untuk membunuh al-Asytar. (Idrus, t.t.: 9– 10)

Penulis kemudian memetik kata-kata yang dikatakan disandarkan kepada Muawiyah RA. Penulis menyebut kata-kata Muawiyah yang masyur mengenai pembunuhan al-Asytar: Sesungguhnya Saidina Ali RA mempunyai dua tangan kanan, salah satu darinya saya telah potong dalam peperangan Siffin, yakni Ammar. Manakala yang satu lagi telah saya potong pada hari ini, yakni al-Asytar. (Idrus, t.t.: 10)

Umm al-Mukminin Aishah RA telah melaknat Muawiyah ibn Abi Sufyan dan Amru ibn al-Ass berpunca dari pembunuhan kejam ke atas adik lelakinya, Muhammad ibn Abi Bakar al-Siddiq. Diceritakan jenazah beliau telah dimasukkan ke dalam perut keldai yang disembelih lalu dipanggang. (Idrus, t.t.: 20)

e. Mengarahkan mencela Saidina Ali ibn Abi Talib RA

Muawiyah ibn Abi Sufyan RA dikisahkan memberi pesanan kepada gabenor Kufah yang baru dilantiknya, Mughirah ibn Syu'bah RA agar mencela Saidina Ali ibn Abi Talib RA. (Idrus, t.t.: 24) Penulis buku juga mengatakan Muawiyah sangat keras bertindak terhadap golongan Syiah ketika itu, dan telah menjadikan mimbar masjid-masjid sebagai tempat mengutuk memaki Saidina Ali ibn Abi Talib RA (Idrus, t.t.: 137).

f. Tahun Perpecahan

Penulis buku menyebutkan bahawa al-Hassan ibn Ali RA telah menyerahkan urusan pemerintahan kepada Muawiyah ibn Abi Sufyan RA pada tahun 40 Hijrah, dan telah dinamakan tahun berkenaan sebagai Tahun Jamaah.

Kemudian penulis buku cuba mempertikaikan perpaduan umat Islam ketika itu dengan mempersoalkan adakah orang Islam semuanya bersatu padu dalam perlantikan Muawiyah? Adakah mereka sebulat suara bersatu sepertimana semasa pemerintahan khalifah Abu Bakar, Umar dan permulaan khalifah Uthman? (Idrus, t.t.: 91) Penulis menambah bahawa terdapat beberapa banyak sahabat Nabi SAW yang terkemuka serta lebih terdahulu keislamannya tidak menyukai perubahan jawatan khalifah kepada jawatan raja. Mereka mencari pelbagai cara yang boleh menguatkan pengaruh kewibawaan mereka serta menyebarkan luas kekuasaannya. (Idrus, t.t.: 92).

g. Pembunuhan Hujr ibn Adi

Hujr ibn Adi RA seorang sahabat Nabi SAW, bersama-sama Saidina Ali ibn Abi Talib RA dalam peperangan Siffin. Mempunyai riwayat hadith dari Saidina Ali ibn Abi Talib dan Ammar ibn Yasir RA.

Penulis buku menceritakan Hujr ibn Adi RA sebagai salah seorang penolong Saidina Ali ibn Abi Talib RA, dan mempunyai banyak persamaan pendapat dengan Saidina Ali. (Idrus, t.t.: 27) Setelah Muawiyah melantik Ziyad ibn Abihi sebagai gabenor Kufah, beliau bercita-cita untuk menangkap Hujr ibn Adi sehingga dikerah penyiasat menangkapnya. Penulis buku menggambarkan bagaimana Hujr ibn Adi dihambat sehingga ditangkap. (Idrus, t.t.: 28 – 31) Hujr ibn Adi serta 14 orang rakannya ditangkap Ziyad atas pertuduhan menyalakan api fitnah dan menyemarakkan perasaan permusuhan terhadap Amir al-Mukminin (Muawiyah ibn Abi Sufyan).

(Idrus, t.t.: 32 – 33) Penulis buku telah menceritakan dengan panjang lebar rangkaian kisah Hujr ibn Adi dan sebahagian sahabatnya hingga kepada hukuman mati. Akan tetapi, sebahagian daripada sahabat Hujr ibn Adi telah dilepaskan. (Idrus, t.t.: 35 – 41) Dan diakhirnya, penulis buku mengisahkan bahawa hukuman mati itu terjadi kerana helah terpedaya dengan Ziyad. Penulis buku kemudian menambah Muawiyah membuat tuduhan terhadap Ziyad sebagai alasan untuk melepaskan diri. (Idrus, t.t.: 42 – 43)

Putera Mahkota

Penulis buku menyebut Muawiyah ibn Abi Sufyan itu sebagai seorang raja. Beginilah orang Arab memanggilnya, serta dengan panggilan ini juga beliau memahami dirinya sendiri. Sesetengah dari tabiat sang raja hendaklah dipusakai kepada penggantinya, maka Muawiyah telah membuat suatu bidaah baru, iaitu wasiat 'Putera Mahkota'. (Idrus, t.t.:191)

Penulis buku mendedahkan antara sebab utama berlakunya perlantikan putera mahkota. Dalam riwayat al-Tabari, telah terjadi beberapa ketika Muawiyah RA mahu menggantikan gabenor beliau di Kufah, iaitu Mughirah ibn Syu'bah RA. Kemudian, Mughirah mendatangkan buah fikiran perlantikan putera mahkota. Maka berangkatlah pergi Mughirah menemui Yazid ibn Muawiyah, dan disampaikan cadangan supaya dibaiah Yazid sebagai pengganti tempat Muawiyah, seterusnya Yazid memberitahu bapanya buah fikiran Mughirah itu. Penulis mengatakan telah terjadi suatu perdebatan sesama para sahabat Nabi SAW mengenai cadangan perlantikan Yazid pengganti kepada tempat Muawiyah ini. Dan kemudian, penulis buku mengemukakan pula riwayat dari Ibn Athir, bahawa Abd Rahman ibn Abu Bakar al-Siddiq telah mencabar surat Muawiyah yang disampaikan oleh gabenor Madinah, Marwan ibn al-Hakam. (Idrus, t.t.: 191 – 196) Abd Rahman ibn Abu Bakar al-Siddiq bersama dalam barisan tentera Muawiyah dalam peperangan Siffin, sedang Muhammad ibn Abu Bakar al-Siddiq bersama barisan tentera Saidina Ali. (Idrus, t.t.: 17)

Penulis buku telah menyatakan pendirian apabila wujud kesamaran fakta dalam riwayat yang dikemukakan ini. Pertikaiannya adalah sama ada Muawiyah pergi ke Hijjaz (Makkah dan Madinah) atau tidak, sedang beliau telah lanjut umur (serta badannya yang agak besar yang tidak mampu berdiri lama), untuk mendapat baiah taat setia kepada Yazid. Akan tetapi, penulis buku memilih pendapat Muawiyah tetap pergi ke Hijjaz.

Pertikaian kedua, individu yang membuat bantahan iaitu, Abd Rahman ibn Abu Bakar al-Siddiq, semasa surat Muawiyah dibacakan oleh Marwan ibn al-Hakam. Kemudian diikuti dengan bantahan serta teguran dari Ummu al-Mukminin Aishah dari belakang tabir. Akan tetapi, penulis buku membawakan kisah bantahan dari al-Hussien ibn Ali, Abdullah ibn Umar ibn al-Khattab serta Abdullah ibn al-Zubair ibn Awwam.

Penulis buku mengakui riwayat ini terdapat banyak kontradik fakta. Akan tetapi, masih tetap mahu mengambil sebahagian dari matan riwayat tersebut. (Idrus, t.t.:198) Penulis buku menyambung dengan mengatakan Muawiyah telah memberikan suatu ugutan keras kepada kalangan anak-anak Sahabat Nabi SAW yang terkemuka serta terlebih dahulu keislamannya, jikalau mereka ingkar pada hari untuk membaiah taat setia kepada Putera Mahkota (Yazid). Setiap seorang dari mereka diawasi dengan dua orang pengawal bersiap sedia (Idrus, t.t.:199 – 200)

Cara pentadbiran

Penulis buku mengatakan proses penggantian khalifah-khalifah sebelum Muawiyah RA dilakukan melalui mesyuarat. Abu Bakar al-Siddiq RA telah dipersetujui oleh orang Islam di Saqifah, dan pemilihan Umar ibn al-Khattab RA dari pesanan Abu Bakar al-Siddiq RA. Akan tetapi pesanan Abu Bakar al-Siddiq RA berkenaan perlantikan Umar ibn al-Khattab RA tidak cukup melainkan sesudah dibentangkan urusan itu kepada orang Islam serta mengambil kira fatwa mereka. Kemudian pada Uthman ibn Affan RA, melalui mesyuarat. Begitu juga pemilihan Ali ibn Abi Talib RA, dipersetujui sebahagian besar penduduk Madinah dan ditentang oleh Muawiyah ibn Abi Sufyan RA. Oleh sebab itu, retaklah bangunan negara dan robohlah pelosok penjurunya. (Idrus, t.t.:77)

Muawiyah ibn Abi Sufyan menjalankan pemerintahan mengikut dasar pemerintahan beraja. Antara tanda-tandanya adalah, urusan politik didahulukan manakala penerangan

terkemudian, bendera pertuanan raja hendaklah dikibarkan (Idrus, t.t.: 77 – 78), membina singgahsana disebabkan kegemukan badannya, membina mimbar, mewujudkan takhta, membuat kursi (Idrus, t.t.: 86 – 87), mengadakan pengawal seramai 4000 orang dan seramai 500 orang daripadanya berjalan kaki dihadapannya. (Idrus, t.t.: 88, 122)

Penulis buku juga membawakan riwayat al-Tabari dengan menyebut beberapa perkara baru yang telah dilakukan oleh Muawiyah ibn Abi Sufyan RA. Antaranya melantik penulis peribadi (setiausaha sulit) yang berbangsa Rom bernama Sarjun ibn Mansour (سرجون بن منصور), mewujudkan pengawal tubuh (pengawal peribadi), pengawal pintu, mewujudkan suatu tempat menyimpan surat menyuratnya diberi nama Diwan al-Khatim (ديوان الخاتم). (Idrus, t.t. :213 – 214)

Urusan pemerintahan yang sering berubah

Penulis buku mempersoalkan kewajaran perlantikan Muawiyah ibn Abi Sufyan RA dan integriti menjalankan pemerintahan. Penulis melontarkan satu persoalan: ‘Adakah cara hidup dan pemerintahan didalam (diwaktu) zaman khulafa al-Rasyidin itu dapat terus dijalankan dengan adanya pelbagai jenis manusia dan cara kehidupan serta perubahan keadaan?’. Penulis buku mengatakan lagi, bahawa buah pandangan dan fikiran bangsa Arab telah bercampur aduk dengan pemikiran yang datang dari Parsi, Mesir, Rom, Maghribi serta lain-lain.

Kemudian dibawakan pendapat sebahagian orang tanpa menamakan sesiapa, bahawa dengan kerohanian sahaja tidaklah boleh dinilai mencakupi dalam mengatur susun dengan rapi pemerintahan diseluruh daerah negara Islam. Oleh itu, seseorang yang mempunyai kudrat tenaga dan peribadi gagah perkasa adalah dikehendaki untuk memegang terju pemerintahan. Diakhirnya, penulis menanyakan persoalan bahawa kesesuaian Muawiyah ibn Abi Sufyan dengan syarat-syarat yang dikemukakan memegang tampuk pemerintahan? (Idrus, t.t.: ii – iii)

Pada muka surat yang lain, penulis buku menyatakan tidak mempersetujui urusan pemerintahan berubah seiring dengan perubahan. Kata penulis: ‘Sesungguhnya ketetapan urusan pemerintahan berubah kepada suatu bentuk perubahan (suatu yang lain), bukanlah termasuk sesuatu perkara (baik) tabie (mengikut kebiasaan). Hal ini adalah (kerana terdapat) berjuta-juta manusia berlainan warna kulit, berlainan jenis (kedudukan) dan berlainan keinginan. Mereka berhajat dalam menguruskan hal urusan mereka kepada (dalam) pelbagai bentuk dan cara, sehinggakan (berlaku) pemusatan sesuatu perkara pada suatu tempat berbeza berlainan dengan suatu tempat yang lain.

Penulis buku menyambung lagi bahawa, telah diketahui suatu perkara yang telah dipusatkan pada waktu tertentu, dirobuhkan dalam tempoh beberapa minit kemudiannya. Dapat dilihat diseluruh pelusuk empayar ini, merekayang memperlihatkan sifat zuhud serta warak, dan berpegang kepada jiwa (prinsip) Islam seperti yang tidak pernah dibuat oleh orang terdahulu daripada kaum muslimin. Kita juga dapat melihat didalam empayar ini, mereka yang memberi tauladan dengan mengharuskan sesuatu yang ditegah, menjauhkan diri dari melaksanakan hukum syarak, melampaui batas setiapamal ibadah dan mempermudah nilai harga nyawa yang menjadi sesuci bersih perkakas kehidupan. (Idrus, t.t.: 78)

Penyeleweng agama dan Sunnah Baginda

Penulis buku membawakan beberapa kisah penyelewengan Muawiyah ibn Abi Sufyan RA semasa memegang tampuk pemerintahan. Diantaranya kisah Muawiyah ibn Abi Sufyan dan Marwan ibn al-Hakam, kisah Muawiyah ibn Abi Sufyan dan Utbah ibn Abi Sufyan. Keduanya melibatkan hukuman peminum arak. (Idrus, t.t.:159 – 162)

Licik dan berhelah

Penulis buku menyebutkan idea bahawa segala tipu helah mesti digunakan untuk menyampaikan sesuatu tujuan (politik), sekalipun melakukan penumpahan darah dan penyiksaan. (Idrus,t.t.: iv, 10) Pembentang kertas mengumpulkan beberapa pernyataan idea penulis buku yang ditulis tersebut terhadap Muawiyah ibn Abi Sufyan RA. Diantaranya:

- i. Muawiyah berurusan dengan para pemimpin Islam dari kalangansahabat Nabi SAW, panglima-panglima tentera, dan mereka yang berkesanggupan serta berkelayakan. Beliau berulang alik berusaha berdampingan dengan mereka, disamping mereka yang berada dalam barisan Saidina Ali ibn Abi Talib. (Idrus, t.t.:100) Sebahagian dari mereka itu adalah Abdullah ibn Abu Bakar al-Siddiq RAma (Idrus, t.t.:100), Abdullah ibn Umar ibn al-Khattab RAma (Idrus, t.t.:101), Aqil ibn Abi Talib RA (Idrus, t.t.:101), Saad ibn Abi Waqqas RA (Idrus, t.t.:101 – 104), Amru ibn al-Ass RA (Idrus, t.t.:105), Mughirah ibn Syu'bah RA (Idrus, t.t.:106 – 109), Ziyad ibn Abihi (Idrus, t.t.:109 – 122), Qais ibn Saad RA (Idrus, t.t.:122 – 123), Samarah ibn Jundab RA (Idrus, t.t.:124), Marwan ibn al-Hakam dan Said ibn al-Ass RAma (Idrus, t.t.:124 – 127), dan Ubaidullah ibn Ziyad (Idrus, t.t.:128 – 131).
- ii. Penulis buku menyebut secara jelas Muawiyah ibn Abi Sufyan seorang pandai berhelah, sebagaimana diceritakan pada kisah dua suku bangsa yang terkenal, iaitu dari Yaman dan Mesir.
Muawiyah menyantuni cara Nabi SAW mendekati hubungan keakraban melalui perkahwinan. Beliau mengahwini Maison bint Bajdal (ميسون بنت بجدل) yang berasal dari kabilah Bani Kilab (كلب), salah satu dari kabilah di Yaman untuk tujuan itu. Kemudian penulis buku mengatakan, apabila terjadi keadaan huru hara dalam angkatan perang laut yang ditimbul oleh salah satu kabilah dari Mesir, iaitu kabilah Qais, maka Muawiyah akan memasukkan suku kabilah Yaman inididalamnya. (Idrus, t.t.:203 – 204)
- iii. Di akhir penulisan buku ini, penulis buku menyebut: 'Dunia Islam melihat didalam sejarahnya penuh dengan pelbagaia perkara tipu muslihat, paksaan, kekerasan, suapan dan ugutan serta lain-lainnya untuk menegakkan kerajaannya. Semuanya dilakukan Muawiyah untuk menyampaikan cita-citanya sehingga tercapai'. (Idrus, t.t.:219)

Talam dua muka

Salah satu ciri digambarkan penulis buku terhadap Muawiyah ibn Abi Sufyan RA ialah seorang yang bermuka-muka. Oleh kerana itulah, beliau memperoleh kekuatan dan sokongan. Penulis buku menyebut: 'Beginilah (keadaan perihal) keturunan Umayyah itu dari semenjak purbakala mengusahakan kemuliaan-kemuliaan (bermacam kemuliaan) jahiliah.(Agama) Islam telah dapat mencegah atau menyembunyikan perasaan berbangga dengan kemuliaan (ini) hingga kepada suatu ketika. (Akan) Tetapi, kini sesudah Islam dan setelah wafat Nabi (SAW), ia telah kembali lagi (kembali semula) ke alam nyata. Bahkan, ia telah menjadi satu perkakas yang penting dalam percubaan Muawiyah setelah ia dapat menakluk (menjadi pemerintah) orang-orang Arab semuanya. (Idrus, t.t.: 44 – 45)

Apabila pemerintahan Khalifah Uthman ibn Affan RA rebah dek kerana fitnah-fitnah, maka digantikan urusan pemerintahan tersebut oleh Khalifah Ali ibn Abi Talib RA. Disitu Muawiyah ibn Abi Sufyan mendapat satu peluang baik untuk menzahirkan niatnya sebenarnya. Beliau berkhidmat berbakti, tidak menjadi pengikut pemerintah di Madinah, iaitu Khalifah Ali ibn Abi Talib. Ketika itu, beliau mula menunjukkan perselisihan terhadap Khalifah Ali ibn Abi Talib dengan alasan menuntut bela darah Khalifah Uthman ibn Affan yang dibunuh. Pada asasnya, Muawiyah tidak mempunyai apa-apa hak dalam dakwaan tersebut, kerana Amir al-Mukminin (Khalifah) ketika itu adalah Ali ibn Abi Talib RA mengurus tadbir urusan orang Islam keseluruhannya. (Idrus, t.t.:48)

Saat kematiannya

Penulis telah menceritakan beberapa kisah detik Muawiyah ibn Abi Sufyan RA menghampiri tiba ajal kematian. Muawiyah ibn Sufyan mengetahui akan ajal kematian semakin hampir kerana keuzuran yang dialaminya. Antara kisah dibawakan penulis buku, Pesanan Muawiyah ibn Abi Sufyan kepada anaknya apabila beliau merasai dekat hampir tiba ajalnya. Muawiyah ibn Abi Sufyan menzahirkan rasa takut keseimbangan pada 4 orang ini, iaitu

al-Hussain ibn Ali RA, Abdullah ibn Umar ibn al-Khattab RA, Abdullah ibn Zubair ibn Awwam RA dan Abd Rahman ibn Abi Bakar al-Siddiq RA.

Penulis mengemukakan riwayat kisah ini dengan masih menerima kehadiran Abd Rahman ibn Abi Bakar al-Siddiq walaupun ketika Muawiyah ibn Abi Sufyan hampir menemui ajal kematian, iaitu sekitar tahun 60 Hijrah.

Kemudian, Muawiyah ibn Abi Sufyan telah memberi pesanan lagi kepada anaknya, jikalau mempunyai peluang kesempatan maka cincanglah Abdullah ibn Zubair sehingga halus dan peliharalah darah kaum seberapa kuasa yang mungkin. (Idrus, t.t.: 201 – 202)

Walaupun penulis buku memperakui riwayat ini terdapat kesalahan yang jelas, penulis masih mahu tetap mengambilnya sebagai suatu hujah yang diperkuatkan. Penulis buku seakan tidak mengambil kira kontradik yang berlaku dalam riwayat tersebut. (Idrus, t.t.:202 – 203)

Hikayat Cerca-mencerca

Pembentang turut membawakan penulisan dari buku tersebut mengenai hikayat-hikayat cerca mencerna diantara Muawiyah dan yang lain. Antaranya,

- i. Kisah 1, Muawiyah ibn Abi Sufyan dan Syu'bah ibn A'ridh (شعبة بن عريض). Kisah cerca mencerna diantara kedua mereka. Kisah ini diambil penulis buku dari kitab al-Aghani oleh Abu al-Farj (Idrus, t.t.: 151 – 153)
- ii. Kisah 2, Muawiyah ibn Abi Sufyan dan Abu Dahbal (أبو دهبل), seorang penyair Arab. Kisah ini mengenai perihal anak Muawiyah, iaitu Atikah. (Idrus, t.t.: 154 – 159)
- iii. Kisah 3, mengenai Muawiyah berjalan melintasi rumah Abdullah ibn Harith. Kemudian, Abdullah keluar dari rumahnya mencela Muawiyah serta mengutuk sikap tamak Muawiyah yang mahukan pula rumahnya. (Idrus, t.t.:166 – 167)
- iv. Kisah 4, Muawiyah ibn Abi Sufyan dan Abdullah ibn Zubair ibn Awwam. Kisah ini berlangsung semasa Muawiyah berada di Madinah, menziarahi rumahnya. Muawiyah ada bertanyakan akan perihal al-Hassan ibn Ali darinya, kemudian dibalas Abdullah dengan sindiran yang keras. (Idrus, t.t.:171)
- v. Kisah 5, Muawiyah ibn Abi Sufyan dan Adi ibn Hatim. Kisah membalas cercaan diantara mereka berdua. (Idrus, t.t. :173 – 174)
- vi. Kisah 6, Muawiyah dan Sa'sa'ah ibn Suhan (صهصعه بن صوهان). Muawiyah ada mengatakan 'apa-apa yang saya ambil, maka ia adalah milik saya. Apa-apa yang saya tinggalkan adalah satu perkara yang harus bagi saya'. (Idrus, t.t.: 184 – 185)
- vii. Kisah 7, Muawiyah ibn Abi Sufyan dan Arwa bint al-Harith ibn Abd al-Muthalib. Arwa telah membuat permintaan agar diberikannya enam ribu dinar, akan tetapi didahului dengan sumpah seranah ke atas Khalifah Muawiyah beserta tuduhan buruk ke atas Khalifah al-Rasyidin sebelum Khalifah Ali ibn Abi Talib. (Idrus, t.t.:187 – 188)

Hikayat yang Pelik, sebahagiannya Tidak Masuk Akal

Terdapat banyak hikayat yang pelik yang dibawakan dalam buku ini. Malah ada sesetengahnya tidak masuk akal. Antaranya:

- i. Kisah 1, Muawiyah ibn Abi Sufyan dan Rabiah ibn Asl (ربيعة بن اسل). Kisah ini menceritakan hasrat Rabiah untuk membina rumah. Kata Muawiyah: 'Rumah engkau di dalam (kota) Basrah, ataupun (kota) Basrah berada dalam rumah engkau'. (Idrus, t.t.:166)
- ii. Kisah 2, kisah Muawiyah ibn Abi Sufyan membeli agama seseorang dengan harta kekayaan (Idrus, t.t.: 168)
- iii. Kisah 3, Kisah Muawiyah ibn Abi Sufyan dan anak Said ibn al-Ass. Anak Said menyampaikan pesanan bapanya agar dijual istana agam milik Said, bertujuan melangsaikan hutang berbaki milik Said yang telah meninggal dunia. Kemudian, Muawiyah ibn Abi Sufyan membeli dengan harga yang terlalu tinggi. (Idrus, t.t.:169)

- iv. Kisah 4, Muawiyah ibn Abi Sufyan dan anak Uthman ibn Affan, iaitu Aishah. Kisah ini berlaku apabila Khalifah Muawiyah datang menziarahi rumah Uthman di Madinah. Aishah melihat Muawiyah masuk ke rumah menangis kerinduan ayahnya, dan Muawiyah menasihati serta menegur perlakuannya itu. (Idrus, t.t.:170)
- v. Kisah 5, Muawiyah ibn Abi Sufyan sangat menginginkan burdah Nabi SAW dari Kaab ibn Zuhair, tetapi enggan dijualnya. Burdah Nabi SAW itu dihadiahkan kepadanya oleh Baginda SAW sendiri. Muawiyah masih tidak berputus asa untuk mendapatkannya dan setelah Kaab meninggal, diminta untuk dibeli dari waris-waris Kaab (Idrus, t.t.:170 – 171)
- vi. Kisah 6, kisah Muawiyah ibn Abi Sufyan mendamaikan diantara Amru ibn Uthman ibn Affan dan Usamah ibn Zaid mengenai perebutan sebidang tanah (Idrus, t.t.: 174 – 175)
- vii. Kisah 7, Muawiyah ibn Abi Sufyan dan Abu Tufail. Kisah Muawiyah bertanyakan perihal keadaan pembunuhan Uthman padanya, dan dijawab dengan jawapan menyindir. (Idrus, t.t.: 176)
- viii. Kisah 8, Muawiyah ibn Abi Sufyan dan Amru ibn al-Ass. Kisah mereka berduaberbual mengenai kematian. (Idrus, t.t.:177 – 178)
- ix. Kisah 9, Muawiyah ibn Abi Sufyan dan Amru ibn al-Ass. Kisah mereka berduaberbicara mengenai Ali Abi Talib. Amru ibn al-Ass menegaskan kepada Muawiyah, ‘Sesiapa yang hendak mencari kebesaran, maka hendaklah berani merempuh bahaya.’ (Idrus, t.t.: 178)
- x. Kisah 10, Muawiyah ibn Abi Sufyan dan Amru ibn al-Ass. Kisah mereka berbicara tentang nikmat kelazatan dunia. Kemudian seorang Wirdan (وردان) menyindir perbicaraan mereka berdua. (Idrus, t.t.: 179)
- xi. Kisah 11, Muawiyah ibn Abi Sufyan dan Sa’sa’ah ibn Suhan (صيصعه بن صوهان). Kisah ini mengenai keadaan perihal para penduduk beberapa negeri dibawah kekuasaan khalifah ketika itu, iaitu pemerintahan Muawiyah. (Idrus, t.t.:182 – 184)
- xii. Kisah 12, Muawiyah ibn Abi Sufyan dan segerombolan rombongan dari Mesir dikirim oleh Amru ibn al-Ass. Mereka masuk menemui Muawiyah dengan ucapan salam kepada beliau sebagai Rasulullah. (Idrus, t.t.:185 – 187)

Perbincangan

Penulis buku sedari awal mahu mengatakan sesuatu bersifat provokatif, menyerang peribadi Muawiyah ibn Abi Sufyan RA untuk memperlihatkan keburukan-keburukan yang disandarkan kepadanya. Hal ini dapat dilihat dari pra-kata buku tersebut. (Idrus, t.t.: i – iv)

Penulisan buku ini jelas mempunyai kaitan rapat dengan ilmu periwayatan, dari persoalan rantaian para perawi hingga kepada riwayat teks kandungan. Sebagaimana periwayatan sesebuah hadith, begitu juga berlaku pada sesebuah cerita atau hikayat yang turut mempunyai jalur sanadnya tersendiri khususnya mengenai khabar berita kurun pertama kalendar Hijrah. Hal ini amat penting bagi mengesahkan keabsahan para perawi, selain sudut pandang para ulama mengenai *al-Adalah* serta *al-Dhobt* mereka, untuk memastikan berita tersebut tidak direka-reka dan palsu. Bagaimanapun riwayat-riwayat bersanad dari pelbagai jalur ini tidak diletakkan capaian *thiqah* untuk penerimaan para perawi yang meriwayatkan apabila berkait dengan sejarah islam. Sesungguhnya riwayat yang mempunyai sanad lebih baik dan lebih diterima dari riwayat-riwayat yang tidak bersanad. (Al-Tabari, 2013: 57 – 58) Akan tetapi, perlu berhati-hati dalam penerimaan riwayat-riwayat sejarah islam pada kurun pertama, terutamanya cerita hikayat mengenai peristiwa membabitkan fitnah. (Al-Tabari, 2013: 64 – 65)

Penulis buku tidak mengemukakan hujah autentik apabila wujud sesuatu peristiwa yang dikatakan sebagai bukti kejadian. Apabila diselidiki sunnah peribadi Muawiyah ibn Abi Sufyan didalam kitab-kitab hadith, kita dapati personaliti beliau sangat berbeza sekali berbanding penceritaan mengenai beliau dalam penulisan-penulisan sejarah. Buktinya dari sebahagian hadith-hadith dibawah mempunyai hubung kait dengan peribadi beliau, dan ianya diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dalam kitabnya Sahih al-Bukhari. Antaranya

- Khalifah Muawiyah ibn Abi Sufyan seorang sahabat Nabi SAW yang faqih (Sahih al-Bukhari. Kitab Fadhail Ashab al-Nabi SAW: Bab Zikr Muawiyah RA: 3764, 3765),
- mendalam ilmunya serta menegah kemungkarannya yang disaksikannya (Sahih al-Bukhari. No hadith:587, 2003, 3468, 3766, 5932),
- mengikuti sunnah Nabi SAW (Sahih al-Bukhari. Kitab al-Zakat: Bab qauluhu Taala {La yas'alunaan Nas ilhaafa}: 1477, Kitab al-I'tisam bi al-Kitab wa al-Sunnah: Bab ma Yukrahu min kathrati al-Su'al: 7292),
- berjihad dijalan Allah serta berusaha menyebarkan Islam (Sahih al-Bukhari. No hadith:2788, 2799, 6282, 7002)
- salah seorang tentera Islam yang diberitakan khabar syurga (Sahih al-Bukhari. Kitab al-Jihad: Bab ma Qila fi Qital al-Rom: 2924) dan lain-lain lagi.

Penulis buku tidak berniat untuk memperkenalkan peribadi Muawiyah RA terlebih dahulu, malah terus menggambarkan betapa teruk keaiban yang ada pada Muawiyah. Hal ini jelas apabila penulisan buku ini bermula suatu bab mengenai helah berpolitik Muawiyah, kisah pertembungan dua pihak bertelagah ini di Mesir. Bab tersebut diakhiri dengan cara bagaimana pembunuhan Muhammad ibn Abu Bakar al-Siddiq dilakukan. (Idrus, t.t.: 1 – 21)

Penulis buku bersifat selektif apabila memilih isu untuk memuji memberi penghargaan kepada Muawiyah. Pujian dan penghargaan diberikan ketika melibatkan peperangan dan taktikal. Hal ini jelas apabila penulis buku menyebutkannya: 'Dipandang dari segi peperangan, pekerjaan Muawiyah ini patut mendapat puji-pujian dan penghargaan yang tinggi. (Hal ini) kerana perjalanan dari Tarsus ke Konstanstinopel itu jaraknya sejauh 450 batu. Pada musim sejuk di Asia Kecil (ini) adalah terhitung suatu hal yang paling sukar mesti diambil tahu oleh angkatan perang besar seperti ini, yang dijalankan oleh Muawiyah.' (Idrus, t.t.: 147 – 150) Adapun selain dari sudut ketenteraan, penulis buku memandang enteng terhadapnya.

Penutup

Penulisan buku ini mengisahkan seorang tokoh besar dalam sejarah ketamadunan Islam, memerlukan fakta serta pengetahuan secukup terutamanya melibatkan isu-isu yang sensitif lagi mendasar. Muawiyah ibn Abi Sufyan RA salah seorang sahabat Nabi SAW terkemuka, satu nama dari kalangan Sahabat sering diperkatakan oleh ramai.

Muawiyah ibn Abi Sufyan sebagaimana difahami penulis buku melalui tulisannya ini adalah individu yang mempunyai peribadi buruk lagi keji, seorang yang mengikut mata akal dan nafsu, dan suka kepada pertumbuhan darah. Tidak wujud suatu kebaikan melainkan dikaitkan dengan sifat-sifat yang disebutkan tadi melalui kisah serta hikayat dibawakan, selain dikemukakan bermacam andaian pada peribadi Sabahat ini. Begitulah peribadi Muawiyah ibn Abi Sufyan berdasarkan tulisan penulis ini.

Kajian sejarah dalam tamadun peradaban Islam sangat unik lagi istimewa. Kajian silsilah periwayat dan juga berita yang diriwayat menjadikan ia suatu bidang yang khusus, selain mengasah ketelitian dalam menyaring sesuatu berita yang disampaikan. Tidak dinafikan dalam beberapa keadaan, fakta yang diperolehi berbeza dari tujuan asal kajian. Oleh kerana itu, pengkaji perlu mengaplikasikan adab semasa berinteraksi dengan perselisihan yang berlaku. Kejituan berita yang menggunakan teknik sebegini, memberi rasa keyakinan untuk menerima serta mendamaikan jiwa dari sebarang tanda tanya.

Rujukan

Al-Quran al-Karim

Anon. 2011. *Kejatuhan lemak pada muka*. Utusan Malaysia: Ruang Kesihatan, 6 Februari. Dewan Bahasa dan Pustaka. 2005 Masihi. Kamus Dewan Edisi Keempat. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ibn Hajar al-Asqalani, Syihab al-Din Ahmad ibn Ali ibn Muhammad. 2008 Masihi. *Al-Isabah fi tamyiz al-Sahabah*. Abdullah ibn Abdul Muhsin al-Turki (ed). Juz10. Kaherah, Markaz Hijr li al-Buhuth al-Dirasat al-Arabiah wa al-Islamiyyah.

Ibn Kathir, Shihab al-Din Ismail ibn Umar ibn Kathir. 2013 Masihi. *Al-Bidayah wa al-Nihayah*. Juz 7 – 8. Beirut: Dar Ibn al-Kathir.

Idrus. T.t. *Muawiyah ibn Abi Sufyan*. Singapura, Qalam.

Imam al-Bukhari, Muhammad ibn Ismail ibn Ibrahim. 2010 Masihi. *Sahih al-Bukhari*. Beirut, Dar al-Marefah.

Imam Muslim, Muslim ibn al-Hajaj ibn Muslim. 2006 Masihi. *Sahih Muslim*. Riyadh, Dar al-Taybah.

Mahmud Syakir. 1998 Masihi. *Muawiyah ibn Abi Sufyan Rama wa Usratuhu*. Beirut, Al-Maktab al-Islami.

Mohd Asri Zainul Abidin. 2010 Masihi. *Mengemudi Bahtera Perubahan Minda*. Kuala Lumpur, Utusan Publications & Distributors.

Al-Tabari, Muhammad ibn Jarir al-Tabari Abu Jaafar. 2013 Masihi. *Sahih Tarikh al-Tabari*. Muhammad ibn Tahir al-Barzaji (ed). Juz 1, 4. Beirut: Dar Ibn Kathir.

Al-Zahabi, Shams al-Din Muhammad ibn Ahmad ibn Uthman ibn Qaimaz. 1998 Masihi. *Siyar A'lam al-Nubala'*. Syuaib al-Arnaout (ed). Beirut: Muassasah al-Resalah.